

KENYATAAN MEDIA
JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA

**“PELANTIKAN KETUA PENGARAH PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA
YANG BAHARU”**

Putrajaya, 23 Julai 2024 – Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia ingin memaklumkan bahawa YBrs. Tuan Aedy Fadly bin Ramli telah dilantik sebagai Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan Malaysia berkuat kuasa pada 23 Julai 2024.

Tuan Aedy Fadly bin Ramli mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Sains (Pengurusan Bandar), Universiti Teknologi Berlin, Jerman. Beliau berpengalaman dalam perancangan strategik dasar, isu dan sistem berkaitan pengangkutan jalan serta perancangan operasi JPJ semasa jawatannya sebagai Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan dan Operasi) JPJ Malaysia bermula tahun 2021. Beliau juga pernah menjawat jawatan sebagai Setiausaha Bahagian Pembangunan di Kementerian Pengangkutan Malaysia, Setiausaha Bahagian Perolehan dan Aset di Kementerian Pendidikan Malaysia serta pelbagai agensi Kerajaan Persekutuan.

Berdasarkan kepada pengalaman dan kepimpinan beliau akan terus memacu kecemerlangan JPJ dalam menggalas amanah negara sebagai agensi utama yang mengawal selia hal ehwal pengangkutan jalan di negara ini.

Seluruh warga cemerlang JPJ mengucapkan syabas dan tahniah kepada Tuan Aedy Fadly bin Ramli atas pelantikan sebagai Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan Malaysia.

**JABATAN PENGANGKUTAN JALAN
MALAYSIA
23 JULAI 2024**

[TAMAT]